

# Naib Canselor UMS berbuka puasa bersama staf UMSKAL

UB 6.7.2014 A4

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah telah menghadiri majlis berbuka puasa bersama kakitangan UMSKAL Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Jumaat lalu.

Beliauturutmenunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih yang diimamkan Mufti Sabah, Ustaz Haji Bongsu Jaafar.

Ustaz Bongsu turut menyampaikan tazkirah kepada jemaah di Masjid Al-Hikmah.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Prof. Dr Sharif Omang Al-Haj, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya

Dr. Ismail Ali.

Hadir sama Dekan-dekan, Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, seramai enam kakitangan UMSKAL menerima sumbangan daripada Mohd Harun.

Dalam ucapannya, Mohd Harun berharap kakitangan UMSKAL yang beragama Islam akan merebut peluang ke emasan semasa Ramadan ini untuk menambah amal ibadat seperti membaca al-Quran dan solat Tarawih serta bersedekah kepada golongan yang memerlukan.

Selain itu, beliau yakin

semangat Ramadan akan mengeratkan lagi hubungan antara pengurusan universiti dengan pensyarah dan kakitangan serta mahasiswa.

"Kita kena rebut peluang pada bulan Ramadan ini yang hanya dapat dinikmati sekali dalam setahun. Perkuat dan mantapkan perpaduan dalam kalangan pengurusan universiti, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa," katanya.

Sementara itu, Ismail merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Naib Canselor dan pegawai utama universiti menghadiri majlis berbuka puasa di UMS Labuan yang menjadi lokasi pertama di peringkat universiti.



MOHD Harun (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ustaz Bongsu sambil diperhatikan Sharif (tiga kiri), Abdullah (dua kiri) dan Ismail (dua kanan) selepas menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Al-Hikmah UMS Labuan, Jumaat lalu.